

**HEBAHAN PENGISIAN JAWATAN TERBUKA  
DI JABATAN PENDIDIKAN TINGGI**

**1. MAKLUMAT KEKOSONGAN JAWATAN DI JPT:**

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>BAHAGIAN</b>
(i)	Ketua Penolong Pengarah Kanan, Gred 52 (Terbuka)	Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI)
(ii)	Ketua Penolong Pengarah Kanan, Gred 52 (Terbuka)	Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT (BKPI)

**2. SYARAT-SYARAT UMUM:**

- (i) Pegawai terdiri daripada **warganegara Malaysia;**
- (ii) Pegawai **telah dilantik tetap dan disahkan** dalam perkhidmatan;
- (iii) Mempunyai **prestasi kerja di tahap 90%** dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi **tiga tahun berturut-turut (2019, 2020 dan 2021);**
- (iv) Mempunyai **kompetensi yang sesuai** dengan bidang tugas yang dimohon;
- (v) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib dan pertuduhan SPRM; dan
- (vi) Pegawai mempunyai tahap kesihatan yang baik, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit berpanjangan.

### 3. SYARAT-SYARAT KHUSUS:

- (i) Ketua Penolong Pengarah Kanan, Gred 52 (Terbuka) terdiri daripada pegawai yang berada di Gred 52 atau setaraf;
- (ii) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) apabila dipinjamkan ke **gred lebih tinggi** hendaklah **telah berkhidmat di gred jawatan hakiki tidak kurang daripada lima (5) tahun** kecuali:
  - (a) memiliki kelayakan akademik di peringkat **ijazah Doktor Falsafah, tidak kurang daripada dua (2) tahun**; atau
  - (b) memiliki kelayakan akademik di peringkat **ijazah Sarjana, tidak kurang daripada tiga (3) tahun**.
- (iii) Mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan Kerajaan dan baki perkhidmatan **sekurang-kurangnya 5 tahun sebelum mencapai tarikh persaraan wajib**.

### 4. KEUTAMAAN DIBERI KEPADA PEMOHON-PEMOHON BERIKUT:

- (i) Mempunyai **perwatakan dan peribadi yang sesuai** dan boleh bekerja dengan pengawasan yang minimum.
- (ii) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan dengan **skop tugas (Lampiran 1)** serta mempunyai pengetahuan dalam **pengurusan dan pentadbiran organisasi** merupakan satu kelebihan.
- (iii) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman berkaitan pengurusan, polisi dan hala tuju pendidikan tinggi Malaysia.

### 5. MAKLUMAT BERKENAAN PERMOHONAN:

- (i) Calon-calon yang berminat untuk memohon hendaklah melengkapkan **Borang Permohonan Pengisian Jawatan Secara Pertukaran Sementara/ Peminjaman (Lampiran 2)** dan mengemukakan **borang permohonan, resume dan senarai tugas terkini pegawai** kepada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui e-mel kepada [asmawati.anuar@mohe.gov.my](mailto:asmawati.anuar@mohe.gov.my) dan [dahliya.haszwani@moe.gov.my](mailto:dahliya.haszwani@moe.gov.my) sebelum atau pada tarikh tutup yang telah ditetapkan.
- (ii) Tarikh Tutup Permohonan: **Sebelum atau pada 26 Ogos 2022**.

- (iii) **Temu duga:** Hanya calon yang layak dan disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu duga. Permohonan adalah dianggap tidak berjaya sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh tutup permohonan.
- (iv) **Keputusan:** Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada calon yang berjaya sahaja.
- (v) Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, boleh dikemukakan kepada **Puan Asmawati binti Anuar** di talian **03-8870 6408** (e-mel: [asmawati.anuar@mohe.gov.my](mailto:asmawati.anuar@mohe.gov.my)) atau **Puan Nurdahliya Haszwani binti Mohd Razali** di talian **03-8870 6412** (e-mel: [dahliya.haszwani@mohe.gov.my](mailto:dahliya.haszwani@mohe.gov.my)) di Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

## MAKLUMAT KEKOSONGAN JAWATAN

BIL.	JAWATAN	BAHAGIAN	AKAUNTABILITI
1.	Ketua Penolong Pengarah Kanan, Gred 52 (Terbuka)	Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merancang dan menyelaras aktiviti pemantauan dan inspektorat ke atas Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi memastikan peruntukan undang-undang di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan Peraturan-peraturan di bawahnya dipatuhi.</li> <li>2. Merancang dan menyelaras tindakan penguatkuasaan ke atas Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang tidak berdaya maju sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta IPTS 1996 (Akta 555) dan Peraturan-peraturan di bawahnya bagi memastikan kualiti pendidikan tinggi terjamin.</li> </ol>
2.	Ketua Penolong Pengarah Kanan, Gred 52 (Terbuka)	Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT (BKPI)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merangka dan menggubal Terma Rujukan Jawatankuasa Penilaian Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (merangkumi Ketua Kluster, Ketua Domain dan juga Ahli Jawatankuasa Penilaian) bagi memastikan proses penilaian adalah berkualiti, telus dan memenuhi bidang strategik negara.</li> <li>2. Merangka dan menggubal hala tuju, tadbir urus dan garis panduan di bawah Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi [merangkumi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS), Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS),</li> </ol>

BIL.	JAWATAN	BAHAGIAN	AKAUNTABILITI
			<p>Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) dan lain-lain skim geran penyelidikan yang berkaitan] bagi memastikan hala tuju, tadbir urus dan garis panduan adalah bertepatan dengan keperluan dan bidang strategik negara.</p> <p>3. Menyelaras pembukaan permohonan dan penilaian geran penyelidikan di bawah Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi [merangkumi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS), Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS), Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) dan lain-lain skim geran penyelidikan yang berkaitan] kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Institusi Penyelidikan (IP) bagi memastikan projek-projek penyelidikan yang diperaku adalah berkualiti dan memenuhi bidang strategik negara.</p> <p>4. Menyelaras pelaksanaan pemantauan prestasi projek-projek penyelidikan [merangkumi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS), Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS), Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) dan lain-lain skim geran penyelidikan yang berkaitan] bagi memastikan pencapaian output penyelidikan menepati sasaran yang boleh ditetapkan dan memberikan impak kepada pihak berkepentingan (quadruple helix)</p>